

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (AMPANG.HULU LANGAT)

TARIKH: 14 OGOS 2017

MUKA SURAT: 39

MPKj sedia pusat aktiviti

Diberi kepada NGO yang tidak mempunyai pejabat bagi merancang aktiviti kemasyarakatan



MOHD SAYUTHI

KAJANG - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menyediakan pusat aktiviti khusus kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bergiat aktif dalam melaksanakan program pembangunan masyarakat di sekitar kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Yang Dipertua MPKj, Mohd Sayuthi Bakar berkata, pihaknya telah mengadakan temuduga ke atas empat NGO, sebelum menawarkan pusat berkenaan di Kampung Jambu, di sini.

"Kita berharap pusat aktiviti setempat ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh NGO

berkenaan. Kita beri kemudahan ini hanya kepada NGO yang tidak mempunyai pejabat... dan berharap mereka dapat merancang aktiviti kemasyarakatan dengan lebih selesa selepas ini.

"Saya dimaklumkan kemudahan yang disediakan untuk NGO ini adalah kali pertama, mungkin kita juga adalah PBT pertama yang menyediakan tempat seumpama ini," katanya.

Mohd Sayuthi berkata, pihaknya mahu menggalakkan NGO meningkatkan lagi usaha mereka dalam membantu masyarakat.

"NGO berkenaan juga akan terlibat secara tidak langsung dengan program-program yang dianjurkan pihak kami," katanya.

